

KHUTBAH GERHANA BULAN SEPARA

Khutbah 1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ،

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا
لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Terjemahan : “ Dan di antara tanda-tanda kekuasaannya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan, dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah Yang menciptakannya, kalau betullah kamu hanya beribadat kepada Allah.

(Surah Fussilat : 37)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

Sidang Jemaah sekalian,

Pada pagi ini kita sekali lagi dapat melihat salah satu dari tanda kebesaran Allah SWT iaitu peristiwa Gerhana Bulan Separa. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Aisyah r.ha :

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ ، لَا يَحْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ
وَلَا حَيَاتِهِ ، فَإِذَا رَأَيْتُمُوهَا فَافْزَعُوا لِلصَّلَاةِ " ، وَقَالَ أَيْضًا " :
فَصَلُّوا حَتَّى يُفْرَجَ اللَّهُ عَنْكُمْ "

Terjemahan: “ Bahawasanya Matahari dan Bulan itu dua tanda daripada segala tanda- tanda yang menunjukkan Keesaan dan Kekuasaan Allah taala. Tiada gerhana keduanya kerana mati seseorang atau hidupnya,

maka apabila kamu lihat akan demikian itu, maka hendaklah kamu sembahyang hingga hilang gerhana”.

(Imam Muslim)

Gerhana merupakan salah satu dari kejadian alam yang mendapat ulasan khusus dalam Islam. Islam telah memberikan sudut tersendiri dalam fenomena gerhana, ketika mana masyarakat ketika itu mempercayai sebab dan akibat dari gerhana itu ialah alamat kematian dan kelahiran seseorang. Rasulullah S.A.W telah menjelaskan hakikat gerhana itu sebagai tanda keKuatan dan keEsaan Allah S.W.T yang perlu disambut dengan ibadah solat, zikir, sedekah dan saling berpesan tentang hal syurga dan neraka.

Sidang Jemaah sekalian,

Dalam hadis di atas, Nabi SAW telah membetulkan kepercayaan masyarakat Arab ketika itu yang percaya bahawa gerhana akan menyebabkan kematian dan kelahiran seseorang. Ini kerana masyarakat Arab jahiliyah percaya ketika itu bahawa gerhana boleh memberikan kesan langsung pada kehidupan seseorang.

Dalam kajian yang dikemukakan oleh para ulama, gerhana yang disebutkan di dalam hadis di atas adalah gerhana Matahari. Ia telah berlaku pada zaman Nabi s.a.w yang bersamaan dengan kematian Ibrahim ibn Muhammad S.A.W. Ini berdasarkan hadis dari Mughrirah Bin Syu'bah berkata :

انْكَسَفَتِ الشَّمْسُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ - ﷺ - يَوْمَ مَاتَ إِبْرَاهِيمُ

Terjemahan : “Gerhana matahari telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW pada hari kewafatan Ibrahim..”

(Imam Muslim)

Ketika peristiwa gerhana ini berlaku bersamaan dengan kematian Ibrahim, ia seolah menguatkan lagi kepercayaan masyarakat arab jahiliyah. Akan tetapi Nabi Muhammad SAW telah menolak kepercayaan tersebut dengan menyatakan bahawa gerhana itu adalah tanda kebesaran Allah SWT, bukannya sebab kematian dan kelahiran seseorang.

Sebenarnya jika dilihat dalam sejarah tamadun manusia, hampir semua tamadun mempunyai kepercayaan tersendiri mengenai peristiwa gerhana Matahari atau Bulan. Contohnya di India, masyarakat mereka percaya gerhana dapat memberikan kesan buruk pada bayi di dalam kandungan. Ia boleh menyebabkan bayi cacat jika si ibu yang mengandung tadi pergi melihat gerhana. Di Indonesia, masih terdapat mereka yang percaya ketika gerhana si ibu yang hamil perlu menyorok di bawah katil kerana takut kepada gerhana. Malah bagi anak-anak kecil, wajah mereka akan diconteng dengan arang supaya menjadi hitam. Ini bagi menipu syaitan-syaitan yang

mahu merasuk anak kecil, bahawa mereka telah dirasuk ketika wajah mereka telah menjadi hitam.

Sidang jemaah sekalian,

Hakikat yang sebenarnya gerhana tidak dapat memberikan apa-apa kesan langsung pada hidupan kecuali dengan izin Allah SWT. Sebaliknya Allah SWT yang menentukan segala-galanya. Ketentuan Allah SWT ini dapat dilihat dengan melihat ibrah di sebalik peristiwa gerhana ini. Gerhana Bulan dalam kajian ilmu falak berlaku apabila Bumi berada di antara Matahari dan Bulan. Ia berlaku ketika Bulan berada di kedudukan Istiqbal iaitu bertentangan dengan Matahari dan Bumi. Permukaan Bulan sepatutnya akan bercahaya penuh dan terang kerana ia berada pada fasa bulan purnama. Namun ketika gerhana Bulan, Bumi menghalang cahaya Matahari dari terus jatuh ke atas Bulan hingga menyebabkan cahaya Bulan akan menjadi malap.

Syeikh Arsyad al-Banjari seorang tokoh ulama dan ilmuan falak Nusantara dalam kitab Sabil al-Muhtadin ketika menghuraikan tentang peristiwa gerhana Bulan menyatakan bahawa :

“Maka adalah baginya hakikat kerana jirim bulan adalah seperti kaca cermin tiada baginya cahaya pada dirinya. Hanya adalah ia mengambil cahaya daripada benderang cahaya matahari jua, apabila ia berhadapan ia dengan dia dan tiada suatu yang melintangi antaranya maka apabila melindungi antara bulan dan matahari bayang-bayang jirim bumi maka jadi hilanglah cahaya bulan daripada dirinya.”

Ketika Gerhana Bulan Separa seperti yang berlaku pada malam ini, kita akan melihat sebahagian dari permukaan Bulan akan gelap seolah Bulan hilang dari sebahagian cahayanya. Berdasarkan data yang telah dihisab, Gerhana Bulan Separa dijangka akan berlaku bermula jam 11:50 pm pada malam tadi .Namun pada permulaan gerhana ini, kesan gerhana sukar dilihat kerana Bulan baru memasuki bayang penumbra yang kurang gelap. Hanya pada jam 1:23 am hingga 3:18 am pada pagi ini, barulah kesan gerhana akan lebih jelas kelihatan setelah Bulan memasuki bayang Umbra yang lebih gelap. Kesan gelap gerhana akan paling jelas pada jam 2:20 am. Setelah itu gerhana masih berlaku, cuma kesan gerhana akan semakin hilang ketika ia memasuki fasa penumbra. Gerhana dijangka akan tamat pada jam 4:51 am.

Sidang jemaah sekalian,

Berdasarkan huraian di atas, dapatlah kita mengambil beberapa pengajaran dari peristiwa gerhana pada pagi ini, iaitu :

1. Matahari dan Bulan adalah bukti kebesaran Allah SWT. Ketika kita melihat Bulan dan Matahari dan segala kejadian alam, ingatlah bahawa itu semua adalah tanda

kasih sayang Allah SWT. Kasih sayang Allah SWT yang telah memberikan nikmat dari keduanya hingga setiap hari dan bulan kita menikmati segala nikmat pemberian dari Allah SWT dari Matahari dan Bulan tanpa kita sedar. Cahaya, haba, angin dan air yang kita perolehi adalah antara nikmat yang perolehi dari Allah melalui Matahari dan bulan. Bayangkan kehidupan kita tanpa Matahari dan Bulan, Bumi akan bergelap dan terlalu sejuk. Bumi akan jadi tandus tanpa tanaman. Kehidupan kita akan menjadi sangat sukar.

2. Ketika Gerhana Bulan berlaku, Allah SWT telah mengarahkan Bumi berada selari di antara Matahari dan Bulan. Ini bermakna Matahari, Bumi dan Bulan berada selari dan segarisan ketika gerhana. Maka, bayangkan kekuasaan apakah yang lebih hebat dari kekuasaan Allah SWT yang dapat mengatur perjalanan 3 objek ini. 3 objek ini, bukanlah objek yang kecil malah begitu besar. Namun kekuasaan Allah SWT mengerakkan 3 objek yang besar ini dalam gerakan yang tersusun rapi hingga selari dan segarisan.

3. Kemampuan manusia untuk menghisab peristiwa gerhana menunjukkan bahawa gerhana berlaku secara sistematik. Umumnya dalam hisab falak, satu gerhana itu berlaku kembali setelah pusingan 18 tahun 10 hari 8 jam. Pusingan ini dinamakan sebagai saros. Ini berdasarkan pergerakan ketiga-tiga objek di orbit yang berasingan pada kelajuan yang berbeza. Namun ketika gerhana laluan orbit Matahari dan Bulan akan berselisih atau hampir berselisih hingga menyebabkan berlaku gerhana. Ini menunjukkan bahawa Matahari dan Bulan bergerak dalam orbit dan kelajuan yang telah ditetapkan. Penetapan inilah ketentuan dari Allah SWT, Rabb sekalian alam ini.

4. Segala nikmat kita perolehi dari Matahari dan Bulan adalah nikmat yang sepatutnya kita syukuri. Namun perlulah kita sedar setiap nikmat adalah pemberian dari Allah SWT yang diberi, ditahan atau ditarik kembali. Ketika berlakunya gerhana cahaya bulan yang penuh ditahan sementara. Bagi manusia, ketika hal ini berlaku kita mungkin tidak merasakan apa-apa kesan. Bagi haiwan dan serangga yang hidup semata-mata berpandukan pergerakan alam akan merasai kekurangan pada cahaya Bulan yang akan menimbulkan keresahan pada mereka.

5. Ketika gerhana bulan berlaku, peranan utama yang menyebabkan Bulan kurang bercahaya ialah bayang. Bayang mungkin dianggap makhluk Allah yang sangat lemah, malah tiada mempunyai apa-apa manfaat yang besar. Namun ketika gerhana Allah SWT hanya menghantar 'bayang' yang dianggap lemah dan tiada apa manfaat. Ingatilah kisah Raja Namrud yang sombong yang mati dalam keadaan terseksa kerana hanya diserang oleh seekor nyamuk. Maka Bulan yang kadangkala disembah oleh sebahagian manusia, tidaklah mempunyai apa-apa kuasa untuk menghalau atau menghalang bayang dari menghalangnya dari terus mendapatkan cahaya Matahari.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيمِ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ

Khutbah 2

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِأَهْدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَدُخْرِنَا وَقُدُّوتِنَا وَأُسُوتِنَا مُحَمَّدٍ إِمَامِ
الْمُتَّقِينَ وَقَائِدِ الدُّعَاةِ الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَىٰ نَهْجِهِ وَجَاهَدَ
جِهَادَهُ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ.

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Nyata bahawa ketika berlaku gerhana ini Allah SWT mahu memberikan pengajaran dan panduan bagi manusia yang mahu mengambil ibrah atau pengajaran yang besar pada mereka yang berakal dan mahu berfikir.. merenungi.. menginsafi.. tentang ciptaan Ilahi. Sehingga tanpa dipinta terucaplah di lidahnya.

Firman Allah SWT dalam surah ali-Imran : 190-191 :

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ
* الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ
رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya : "190. Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang Yang berakal;

191 . (laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingat Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."

(Surah al-Imran:190-191)

Renungilah kejadian gerhana ini, untuk kita menginsafi bahawa kita hanyalah makhluk kerdil di alam ini. Kita hanya seumpama butir-butir pasir di gurun yang kering. Namun Allah SWT, dengan kekuasaanNya pula telah memuliakan manusia untuk dijadikan khalifah di muka bumi ini. Sedangkan terlalu banyak makhluk Allah SWT di alam ini yang lebih hebat kejadian dan fizikalnya. Kita hanyalah hamba kepada Allah yang Maha Agung, yang bergantung harap dan pertolongan Allah SWT di dunia ini lebih-lebih lagi di akhirat.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْزُقَ كُلًّا مِنَّا لِسَانًا صَادِقًا ذَاكِرًا، وَقَلْبًا خَاشِعًا مُنِيبًا، وَعَمَلًا
صَالِحًا زَاكِيًا، وَعِلْمًا نَافِعًا رَافِعًا، وَإِيمَانًا رَاسِحًا ثَابِتًا، وَيَقِينًا صَادِقًا خَالِصًا، وَرِزْقًا
حَلَالًا طَيِّبًا وَاسِعًا، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَوَحِّدِ اللَّهُمَّ صُفُوفَهُمْ، وَأَجْمِعْ كَلِمَتَهُمْ عَلَى الْحَقِّ،
وَأكْسِرْ شَوْكَةَ الظَّالِمِينَ، وَاکْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ لِعِبَادِكَ أَجْمَعِينَ
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَاءِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ سُلْطَانَ نَزْرِينَ مُعِزُّ الدِّينِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ أَزَلْنِ مُحِبُّ الدِّينِ شَاهِ
الْمَغْفُورِ لَهُ بِمَا تُحِبُّ وَتَرْضَاهُ

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. وَادْكُرُوا اللَّهَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.